

21 MAY 2003

REAKSI-KADAR/I

KADAR CAMPUR TANGAN DIPOTONG 50 MATA ASAS SERTA MERTA

Oleh: Saraswathi Muniappan

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kadar campur tangan tiga bulan Bank Negara Malaysia (BNM) akan dikurangkan sebanyak 50 mata asas kepada 4.5 peratus berkuatkuasa serta merta.

Sehubungan itu, had siling bagi kadar berian pinjaman asas (BLR) bank perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing turun kepada enam peratus dan 6.94 peratus daripada 6.42 peratus dan 7.46 peratus, demikian menurut bank pusat itu.

Bagaimanapun, menurutnya: "Operasi mudah tunai BNM akan memastikan bahawa kadar antara bank akan dikekalkan pada paras semasa.

"Ini akan meminimumkan pelarasan ke atas kadar deposit," katanya dalam satu kenyataan di sini berikutan pengumuman oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tentang pakej strategi baru untuk membantu negara menghadapi ketidaktentuan global dan membantu sektor-sektor yang terjejas berikutan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq.

Seorang peniaga di pasaran wang yang dihubungi Bernama berkata: "Langkah BNM ini adalah baik kerana ia akan membantu mengurangkan pinjaman tidak membayar (NPL) (bank-bank tempatan)."

Dalam jangka panjang, NPL yang rendah adalah jauh lebih baik daripada bank-bank mengalami kerugian walaupun langkah BNM ini mungkin akan mengurangkan julat keuntungan bank, katanya.

"Ya, julat keuntungan bank akan merosot sedikit, tetapi jika tidak banyak aktiviti di pasaran dan orang ramai tidak akan membayar balik pinjaman mereka, itu lebih teruk," katanya.

Kali terakhir BNM mengurangkan kadar campur tangan ini adalah pada 2001 iaitu sebanyak 50 mata asas kepada 5.0 peratus.

Menurut peniaga itu, sektor korporat dan rakyat Malaysia lain akan mendapat faedah daripadanya kerana dengan BLR yang lebih rendah, pinjaman akan menjadi lebih murah.

Mengenai kadar antara bank, beliau berkata pengurangan kadar campur tangan tidak akan memberi kesan serta merta kepadanya. Pengurangan kadar campur tangan mungkin akan memberi kesan kepada kadar antara bank dalam jangka masa panjang, tambahnya.

Lagipun, bank pusat telah memberi jaminan bahawa kadar antara bank akan dikekalkan di paras semasa. Hari ini, Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) tiga bulan berada pada 3.14 peratus.

Sementara itu, BNM menyatakan bahawa ekonomi Malaysia masih kukuh dalam keadaan ketidaktentuan yang memuncak dalam geopolitik dan ekonomi antarabangsa.

"Sementara ketegangan di Timur Tengah serta kebimbangan mengenai SARS mungkin reda, pertumbuhan yang sederhana dalam negara maju yang utama dan volatiliti dalam pasaran kewangan yang berterusan telah meningkatkan ketidaktentuan mengenai tahap pemulihan dalam ekonomi dunia pada separuh kedua tahun ini."

Asas makroekonomi Malaysia yang kukuh memberi fleksibiliti dasar.

Rizab antarabangsa yang meningkat bersamaan dengan tahap hutang yang rendah, inflasi yang rendah dan sektor perbankan yang kukuh memberi fleksibiliti dasar bagi Malaysia untuk memastikan bahawa sumber pertumbuhan dalam negeri dapat menangani keadaan luaran yang bertambah buruk.

Menurutnya, penurunan dalam kadar campur tangan merupakan langkah awalan mencerminkan fleksibiliti dasar.

Kadar berian pinjaman yang lebih rendah, berserta langkah-langkah pakej ekonomi yang lain untuk meningkatkan pendapatan boleh guna, dijangka dapat mengukuhkan keyakinan pengguna dan perbelanjaan untuk menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri.

BNM yakin bahawa kesan kumulatif perubahan struktur dan dasar makroekonomi yang proaktif akan menyokong pertumbuhan jangka panjang yang mapan.

"Langkah-langkah yang dilaksanakan akan menangani kebimbangan terhadap risiko pertumbuhan. Ia akan memperkukuhkan langkah-langkah jangka panjang yang lain untuk memastikan pertumbuhan pada jangka masa sederhana sejajar dengan potensi output," katanya. -- BERNAMA

SM MR JR